

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT PERKUKUH DOMINASI AR-RAHNU, LANCAR GEME 4.0 DENGAN HADIAH UTAMA KESELURUHAN RM220,000 DI KARNIVAL ATLAS

Kuala Lumpur, 2 Mei 2026 – Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) terus memperkukuh kedudukannya sebagai peneraju segmen Ar-Rahnu di Malaysia dengan pelancaran kempen Gadai Emas Menang Emas 4.0 (GEME 4.0), bersempena karnival pelancaran platform perbankan digitalnya, ATLAS, di IOI City Mall Putrajaya hari ini.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang GEME 3.0 serta Save2Win 2025, menjadikan acara ini sebagai simbol kesinambungan kejayaan kempen pelanggan Bank Muamalat dalam satu platform yang menggabungkan inovasi digital dan penghargaan pelanggan.

Memasuki tahun keempat penganjurannya, GEME 4.0 kekal sebagai antara kempen Ar-Rahnu paling dinanti-nantikan, direka bagi menggalakkan masyarakat memanfaatkan kemudahan pembiayaan patuh Syariah yang cepat, selamat dan telus, di samping berpeluang memenangi ganjaran emas bernilai tinggi.

Kempen yang berlangsung dari 1 Mac hingga 31 Disember 2026 ini menawarkan hadiah keseluruhan bernilai sehingga RM220,000 dalam bentuk pelbagai barang emas. Pelanggan yang membuat gadaian emas di mana-mana cawangan Muamalat Pajak Gadai Islam layak menyertai kempen ini secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

Dalam majlis yang sama, Bank Muamalat turut mengumumkan pemenang GEME 3.0 dengan hadiah keseluruhan berupa pelbagai barang emas bernilai RM210,000, sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan setia yang terus mempercayai perkhidmatan Ar-Rahnu Bank.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin berkata, GEME 4.0 mencerminkan usaha berterusan Bank dalam mentransformasikan perkhidmatan Ar-Rahnu agar kekal relevan dan memberi nilai tambah kepada pelanggan.

“Ar-Rahnu bukan lagi sekadar solusi pembiayaan jangka pendek, tetapi sebahagian daripada ekosistem kewangan yang menyokong keperluan pelanggan secara menyeluruh. Melalui GEME 4.0, kami bukan sahaja menawarkan kemudahan yang mudah diakses dan patuh Syariah, malah memberikan pengalaman yang lebih bernilai kepada pelanggan.

“Pelancaran ini juga diperkukuh dengan pengenalan ATLAS sebagai platform perbankan digital Bank Muamalat, yang membolehkan pelanggan berinteraksi dengan perkhidmatan

keuangan secara lebih lancar, pantas dan bersepadu. Ini selari dengan aspirasi kami untuk memperluas capaian dan memperkasa pelanggan melalui penyelesaian kewangan Islam yang inovatif dan inklusif," katanya.

Dalam masa yang sama, sesi penyampaian hadiah Save2Win 2025 turut diadakan bagi meraikan para pemenang, sekali gus memperkukuh usaha Bank dalam memupuk budaya menabung dan pengurusan kewangan yang lebih berdisiplin dalam kalangan pelanggan.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen GEME 4.0 dan kempen Save2Win 2026, sila layari www.muamalat.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Muamalat berhampiran.

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.